

STRATEGI DAN CABARAN PENYELIAAN DALAM PENDIDIKAN UNTUK MENYOKONG TRANSFORMASI TVET

[STRATEGY AND SUPERVISION CHALLENGES IN EDUCATION TO SUPPORT TVET TRANSFORMATION]

HURIL'AIN ZUKINI, MOHD AZLAN MOHAMMAD HUSSAIN*, RAFEIZAH MOHD ZULKIFLI¹

¹ Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia, MALAYSIA.
e-Mail: E-mail: azlan_hussain@ftv.upsi.edu.my

Corresponding author: azlan_hussain@ftv.upsi.edu.my

Received: 28 March 2025 | Accepted: 30 April 2025 | Published: 30 May 2025

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk membangunkan sebuah produk *starter pack* perumahan ternakan poltri mudah alih bagi kegunaan pelajar tingkatan 4 dalam subjek Pertanian di SMK Mudzaffar Shah. Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk dan pembangunan (*Design and Development Research* - DDR) yang melibatkan tiga fasa utama iaitu analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan, serta penilaian produk. Teknik pengukuran yang digunakan termasuk pemerhatian, temu bual, dan pengumpulan data kualitatif dari pelbagai sumber yang relevan. Dalam kajian ini, 11 orang pakar yang terdiri daripada guru-guru yang berpengalaman telah terlibat dalam proses pembangunan produk ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan kritikal dalam meningkatkan kefahaman pelajar, khususnya dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran topik perumahan poltri. Selepas melalui fasa temu bual bersama guru, produk ini didapati memenuhi keperluan pembelajaran serta objektif yang telah ditetapkan. Produk ini didapati mampu membantu pelajar memahami konsep perumahan poltri dengan lebih mendalam melalui pendekatan pembelajaran yang interaktif dan praktikal. Kajian ini mencadangkan penerapan produk serupa untuk topik lain dalam subjek Pertanian, serta penyelidikan lanjut mengenai keberkesanan jangka panjang produk ini.

Kata kunci: Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET), Strategi, Cabaran, Penyeliaan

Abstract: The transformation of Technical and Vocational Education and Training (TVET) requires effective supervision to ensure the quality and effectiveness of programs. This article discusses the strategies and challenges in educational supervision, focusing on the purpose of supervision, how it is conducted, and its relationship with the context of TVET transformation in Malaysia. The writing also examines strategies and challenges in TVET supervision and discusses the implications for the supervision process of TVET instructors. Among the key challenges in the supervision process for TVET teaching are the lack of support from management and assisting teachers in addressing curriculum-industry mismatch issues. This study further proposes a holistic approach involving enhanced management support, the use of technology, and continuous training to ensure the effectiveness of teaching and learning in TVET. The findings conclude that effective supervision requires strategic planning, ongoing support, and the involvement of all stakeholders to ensure the success of TVET education.

Keywords: Technical and Vocational Education and Training (TVET), Strategy, Challenges, Supervision

Cite This Article: Huril'Ain Zukini, Mohd Azlan Mohammad Hussain, Rafeizah Mohd Zulkifli. 2025. Strategi dan Cabaran Penyeliaan dalam Pendidikan untuk Menyokong Transformasi TVET [Strategy and Supervision Challenges in Education to Support TVET Transformation]. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 5(2), 33-42.

PENGENALAN

Transformasi Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah satu langkah yang penting dalam memastikan sistem pendidikan yang relevan dengan keperluan masa hadapan perancangan ekonomi dan pembangunan negara. Dalam era globalisasi yang semakin berkembang, pendidikan TVET memainkan peranan utama dalam menyediakan tenaga kerja yang mahir dan kompeten untuk menyokong perkembangan ekonomi dan sosial negara. Oleh itu, penambahbaikan strategi penyampaian dan penyeliaan dalam pendidikan menjadi perkara penting bagi tujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan TVET. agar dapat memenuhi keperluan industri dan keperluan pasaran kerja semasa.

Penyeliaan dalam konteks pendidikan adalah proses pemantauan, sokongan, dan bimbingan yang diberikan kepada pendidik atau guru pelatih bagi memastikan keberhasilan penyampaian pengajaran dan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Tujuannya adalah untuk membantu pendidik meningkatkan kemahiran profesional, mematuhi kurikulum, mengikut keperluan pembelajaran yang telah ditetapkan, serta memastikan hasil pembelajaran yang berkualiti. Penyeliaan dijalankan melalui pelbagai kaedah seperti pemerhatian sesi pembelajaran kelas, sesi bimbingan individu, dan melalui sistem penilaian. Penyelia pula bertindak sebagai fasilitator yang memberikan maklum balas konstruktif kepada pendidik setelah diselia. Proses penyeliaan ini bukanlah bertujuan untuk mencari kesalahan guru, tetapi lebih kepada membantu guru memperbaiki kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc). Ini menunjukkan bahawa penyeliaan harus dilihat sebagai satu proses sokongan untuk menambah keberkesanan PdPc dan kualiti guru (Mei, C. S., & Mydin, A. A., 2022).

TVET adalah singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. TVET menyediakan proses pembelajaran kepada pelajar dengan kemahiran teknikal, pengetahuan praktikal, dan kompetensi yang diperlukan untuk membolehkan pelajar memasuki pasaran kerja yang bersesuaian. Program TVET merangkumi pelbagai bidang seperti kejuruteraan, hospitaliti, pertanian, dan teknologi maklumat. Objektif utama TVET adalah untuk memenuhi keperluan industri serta meningkatkan kebolehpasaran graduan. Manakala, transformasi merujuk kepada perubahan yang signifikan dan menyeluruh dalam sistem atau proses untuk mencapai objektif yang lebih baik. Dalam konteks pendidikan, transformasi bertujuan memperbaiki struktur, kandungan, dan pelaksanaan kurikulum agar relevan dengan keperluan industri dan masyarakat. Transformasi TVET pula merujuk kepada usaha untuk berinovasi dalam penyampaian kurikulum TVET, melalui penambahbaikan kurikulum, kaedah pembelajaran, penggunaan teknologi terkini, dan pembangunan kapasiti tenaga pengajar. Seterusnya, TVET adalah singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional.

Artikel ini akan membincangkan strategi penyeliaan guru-guru mentor TVET untuk memastikan pendidikan TVET mampu memberikan impak yang positif dalam membentuk

individu yang berkemahiran tinggi. Pendekatan yang berkesan dalam penyeliaan dan penyampaian guru mentor akan membantu memperkukuh asas pembelajaran dan latihan praktikal, mempertingkatkan keterlibatan pelajar, serta meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bidang teknikal dan vokasional. Dengan memperkenalkan strategi-strategi yang sesuai, pendidikan TVET dapat berkembang seiring dengan kehendak pasaran global, sekali gus menyediakan pelajar untuk menghadapi cabaran masa depan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Penyeliaan dalam konteks TVET adalah elemen penting untuk memastikan kualiti dan keberkesanan program yang ditawarkan. Walaubagaimanapun, pelbagai cabaran seperti kekurangan sumber, beban kerja yang tinggi, dan kurangnya latihan sebagai penyelia menghalang pelaksanaan proses penyeliaan pendidikan yang berkesan oleh guru mentor yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia rakan guru yang lain. Dalam usaha untuk melaksanakan transformasi TVET, penyeliaan yang strategik dan efisien diperlukan untuk memastikan program TVET yang dilaksanakan memenuhi standard kebangsaan dan menghasilkan pelajar yang memenuhi keperluan di industri. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa TVET memainkan peranan penting dalam mempersiapkan pelajar untuk memasuki pasaran kerja yang kompetitif, dengan memberi tumpuan kepada pengetahuan dan kemahiran yang relevan dengan industri. Namun, terdapat beberapa isu yang masih memerlukan perhatian dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan sistem TVET, terutama bagi aspek penyeliaan dalam proses pendidikan.

Beberapa kajian menyarankan bahawa penyeliaan pengajaran yang berkesan adalah kunci untuk memastikan perkembangan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam persekitaran pembelajaran TVET. Dengan kata lain, program penyeliaan yang terstruktur dapat membantu untuk menambah keberkesanan PdPC guru dan menyumbang kepada pembelajaran pelajar. Selain itu, penyelia atau guru mentor yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam bidang teknikal sangat penting untuk membimbing pelaksanaan pengajaran yang berkesan dalam kalangan guru, terutamanya guru-guru baru. Walaubagaimanapun, cabaran dalam penyeliaan bagi proses pengajaran TVET masih ada, seperti keperluan untuk membimbing guru-guru bagi melaksanakan PdPC yang berkesan dalam keadaan kekurangan kemudahan dan sumber, serta ketidaksesuaian silibus dengan keperluan semasa di industri. Antara cabaran-cabaran lain yang dihadapi oleh guru mentor dalam membimbing guru-guru TVET dibawah seliaan mereka adalah seperti berikut:

i. Penyampaian Kurikulum TVET

Menurut kajian Williams et al. (2024), kekurangan sokongan pengurusan dan peluang pembangunan profesional adalah isu utama dalam penyampaian kurikulum TVET. Sokongan tersebut termasuk juga Pengetahuan dan Kemahiran guru-guru mentor untuk membimbing guru-guru dibawah seliaan mereka dalam melaksanakan PdPC mengintegrasikan teknologi dan pendekatan pengajaran yang terkini, serta melaksanakan kurikulum pembelajaran yang berteraskan industri. Menurut Melki H. et al (2020) kompetensi guru TVET merangkumi

kemahiran, pengetahuan, sikap, dan nilai, yang dianggap penting untuk perkembangan kerjaya guru masa depan. Ini kerana guru TVET sering kali menghadapi cabaran dalam mengintegrasikan teknologi dan bahan pengajaran yang relevan dengan keperluan semasa.

ii. Amalan Penyeliaan

Penyeliaan adalah komponen penting dalam TVET, khususnya dalam memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kajian oleh Prins et al. (2024) mendapati bahawa kekurangan maklum balas konstruktif dan amalan penyeliaan yang tidak konsisten memberi kesan negatif terhadap pengalaman guru, terutamanya guru baru dan juga guru pelatih. Penyeliaan guru adalah sistem teratur untuk mengawal kualiti dan meningkatkan mutu pengajaran serta pembelajaran (Amatan, M. A., 2019). Menurut Amatan et al. (2019), sokongan berterusan, penambahbaikan, dan pembangunan profesional melalui usaha formal dan informal adalah sistem sokongan yang penting dalam profession perguruan. Pelaksanaan penyeliaan dan bimbingan yang berstruktur, dilengkapi dengan sesi penetapan matlamat, pemerhatian, aktiviti bimbingan, analisa data dan refleksi adalah contoh amalan penyeliaan yang dapat membantu proses pembangunan professional seseorang guru. Cabaran yang dihadapi oleh sistem pendidikan TVET pada masa kini adalah dalam memastikan guru-guru mentor mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk melaksanakan proses penyeliaan pengajaran yang berkesan dan adakah mereka juga diberikan bimbingan yang sewajarnya untuk menjadi mentor dan penyelia?

iii. Hubungan antara Penyelia dengan Guru yang Diselia

Dalam konteks latihan praktikal, wujud juga cabaran dalam memastikan hubungan yang baik antara penyelia dan guru pembimbing memainkan peranan penting. Kajian oleh Nkambule dan Ngubane (2024) menunjukkan bahawa kerjasama yang baik antara kedua-dua pihak dapat meningkatkan pengalaman guru yang diselia. Selain itu kajian Amatan, et al. (2019) menjelaskan bahawa penyelia perlu memberikan sokongan kepada guru yang diselia untuk memastikan mereka membina pengalaman pengajaran yang berkualiti.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan dua kaedah utama untuk menganalisis data daripada enam artikel yang berkaitan iaitu pendekatan meta-analisis dan analisis kandungan. Pendekatan ini membantu memperluaskan pemahaman terhadap isu-isu yang berkaitan dengan penyeliaan dalam konteks pengajaran TVET. Kaedah meta-analisis adalah satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengenal pasti corak dan perhubungan dalam kajian-kajian lepas secara umum. Proses ini melibatkan pemilihan artikel berdasarkan kriteria tertentu seperti kajian yang berkaitan dengan penyeliaan dalam pengajaran TVET. Data yang dikumpulkan daripada artikel-artikel terpilih kemudiannya akan dianalisis secara sistematik menggunakan perisian statistik untuk mengenal pasti trend dan hubungan antara pemboleh ubah. Kaedah ini memberikan pemahaman berkenaan isu-isu yang dikaji. Kaedah ini meta-

analisis ini juga membantu untuk memahami strategi dan cabaran yang dihadapi dalam penyeliaan TVET daripada sudut pandangan literatur

Proses penyelidikan menggunakan kaedah meta-analisis ini dijalankan melalui tiga langkah utama. Langkah pertama ialah pemilihan artikel. Artikel diperoleh daripada jurnal akademik, laporan penyelidikan, dan pangkalan data yang diterbitkan dalam tempoh sepuluh tahun terakhir. Seterusnya, pengumpulan data dilakukan dengan merekodkan tema utama dan penemuan penting daripada artikel tersebut. Akhir sekali, data yang diperoleh disusun dalam bentuk jadual (rujuk Jadual 1) untuk memudahkan perbandingan dan penilaian. Jadual ini digunakan untuk menggambarkan penemuan kajian dengan cara yang lebih jelas dan sistematik. Melalui gabungan kedua-dua pendekatan ini, meta-analisis memberikan penemuan kuantitatif yang spesifik, manakala kaedah analisis kandungan pula memberikan pemahaman kualitatif yang lebih luas terhadap artikel-artikel yang dikaji. Gabungan ini dapat memberikan gambaran menyeluruh mengenai strategi dan cabaran dalam penyeliaan TVET serta implikasinya terhadap transformasi sektor tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan untuk mengenalpasti beberapa aspek penting berkaitan cabaran dan strategi penyeliaan bagi pengajaran dalam bidang TVET untuk memastikan bidang ini terus relevan dengan keperluan masa hadapan. Berdasarkan artikel yang telah dibincangkan, beberapa dapatan utama telah dikenalpasti yang menggambarkan cabaran dan strategi dalam meningkatkan keberkesanan sistem TVET melalui penyeliaan pengajaran.

Bil	Artikel	Peranan penyeliaan	Cabaran dalam penyeliaan	Kepentingan kolaborasi	Kekurangan kemahiran	Kepentingan Kreativiti dalam Pengajaran:	Kepentingan Penilaian Berterusan
1.	Chuah Siew Mei & Al Amin Mydin (2022)	x		x	x	x	
2.	Junfeng Diao & Ke Hu (2022)			x			x
3.	Muhamad Hafidz Mohd Yusof, et al. (2020)	x	x			x	x

	Melki, H.,				
	Bouزيد, M.				
4.	S., &	x		x	
	Mrayeh, M.				
	(2020).				
	Salahuddin.				
	N.,				
	Mohammad				
5.	Hussain, M.	x	x	x	x
	A., & Mohd				
	Zulkifli, R.,				
	(2023)				
	Williams, A.				
	R., Prins, K.,				
6.	Nkambule,				x
	B. I., &				
	Ngubane, S.				
	A. (2024).				

i. Peranan Penyeliaan dalam Pembelajaran TVET

Dapatan utama kajian menunjukkan bahawa penyeliaan yang efektif memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dalam pendidikan TVET. Menurut Melki, H., Bouزيد, M. S., & Mrayeh, M. (2020), peranan mentor amatlah penting dalam membantu guru pelatih mengembangkan kemahiran pengajaran mereka melalui bimbingan dan sokongan yang berkesan. Penyeliaan yang lebih berstruktur, berpengetahuan, dan relevan dengan industri dapat memperbaiki pengalaman pembelajaran pelajar dan mempersiapkan mereka untuk menghadapi dunia pekerjaan. Penglibatan penyelia dalam proses pembelajaran praktikal, terutamanya dalam bidang teknikal, telah terbukti meningkatkan kemahiran pelajar dan membantu mereka memahami konsep-konsep yang lebih kompleks. Ini membantu dalam membina kepercayaan dan menggalakkan guru untuk terbuka menerima maklum balas (Chuah Siew Mei & Al Amin Mydin., 2022).

ii. Cabaran dalam Penyeliaan

Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi dalam penyeliaan, termasuk cabaran pengurusan, ketidakselarasan dan tiada kesefahaman antara penyelia dan guru, serta kekurangan kemahiran dalam kalangan guru-guru TVET. Menurut Chuah Siew Mei & Al Amin Mydin. (2022), kekangan masa yang dihadapi oleh guru sering menjadi halangan dalam melaksanakan sesi penyeliaan yang berkesan, ini termasuk juga dengan penyelia yang menghadapi kekangan masa yang menjadikan keterbatasan kemampuan mereka untuk memberikan perhatian yang mencukupi kepada guru yang diselia (Salahuddin. N., Mohammad Hussain, M. A., & Mohd Zulkifli, R. ,2023). Berdasarkan artikel yang telah dianalisis, selain daripada kekangan masa, penilaian yang tidak tepat atau tidak berkesan juga

boleh menyebabkan guru tidak menerima maklum balas yang berguna dari sesi penyeliaan untuk meningkatkan pengajaran mereka.

iii. Kepentingan Kolaborasi

Kajian menunjukkan bahawa kerjasama yang baik antara guru dan penyelia amatlah digalakkan dan akan menjadikan sesi penyeliaan tersebut lebih efektif. Ini termasuk memberikan maklum balas yang konstruktif dan mencipta persekitaran di mana guru merasa selesa untuk berkongsi cabaran yang mereka hadapi. Menurut Junfeng Diao & Ke Hu. (2022), dalam konteks TVET, penyelia harus berfungsi sebagai rakan kolaboratif yang membantu guru dalam merancang dan melaksanakan pengajaran yang lebih baik. Ini termasuk memberikan maklum balas yang konstruktif dan mencipta persekitaran di mana guru merasa selesa untuk berkongsi cabaran yang mereka hadapi. Tanpa kerjasama yang baik, proses penyeliaan mungkin tidak mencapai matlamat yang diinginkan, dan ini boleh menjejaskan kualiti pengajaran (Chuah Siew Mei & Al Amin Mydin. ,2022).

iv. Kekurangan kemahiran TVET

Penyelidikan menunjukkan bahawa meskipun sistem TVET menghadapi banyak cabaran, terdapat peluang besar untuk penambahbaikan. Transformasi pendidikan TVET memerlukan bukan sahaja peningkatan dalam penyampaian dan penyeliaan tetapi juga perubahan pemikiran dan pendekatan terhadap pendidikan vokasional. Perubahan ini memerlukan kerjasama erat antara kerajaan, institusi pendidikan, dan industri. Namun begitu, terdapat kekangan dalam menyediakan penyelia yang benar-benar berkemahiran dan berpengetahuan dalam bidang teknikal. Penyelia yang kurang kompeten sering kali gagal memberikan panduan yang efektif kepada guru yang diselia, yang akhirnya menjejaskan keberkesanan pengajaran TVET. Kajian oleh Williams et al. (2024) menekankan bahawa peluang pembangunan profesional untuk guru masih terhad. Latihan yang ditawarkan sering kali dianggap kurang berkualiti atau tidak relevan dengan keperluan sebenar. Oleh itu, latihan berterusan untuk penyelia adalah penting supaya mereka dapat mengikuti perkembangan terkini dalam industri dan terus relevan dalam mendukung keberhasilan pendidikan TVET.

v. Kepentingan Kreativiti dalam Pengajaran:

Penyeliaan yang berkesan memainkan peranan penting dalam menilai dan meningkatkan kualiti pengajaran, terutamanya dalam membangunkan kreativiti guru. Menurut Chuah Siew Mei dan Al Amin Mydin (2022), amalan penyeliaan yang baik mampu merangsang kreativiti dalam pengajaran, yang penting untuk menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi (HOTS) dalam kalangan pelajar. Pengalaman luas penyelia dalam bidang pengajaran juga memberikan kelebihan dalam memberikan bimbingan yang lebih bermakna kepada guru yang diselia. Seperti yang dinyatakan oleh Salahuddin et al. (2023), penyelia yang berpengalaman cenderung memahami cabaran yang dihadapi guru dengan lebih baik dan mampu

menawarkan idea kreatif serta nasihat yang relevan untuk meningkatkan kualiti pengajaran mereka.

vi. Penilaian yang Berterusan

Penyeliaan yang efektif memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan. Ia bukan sahaja memastikan program TVET relevan dengan keperluan industri dan pelajar, tetapi juga memberikan maklum balas yang membina kepada guru untuk memperbaiki kaedah pengajaran mereka. Selain itu, penyeliaan harus menyediakan peluang bimbingan berterusan kepada guru, seperti menghadiri kursus latihan, seminar, dan bengkel yang relevan. Pendekatan ini membantu guru kekal mengikuti perkembangan terkini dalam bidang teknikal dan vokasional (Salahuddin, Mohammad Hussain, & Mohd Zulkifli, 2023; Junfeng & Ke, 2022; Muhamad Hafidz Mohd Yusof et al., 2020).

CANDANGAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Transformasi dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam memastikan sistem pendidikan selaras dengan keperluan industri dan pasaran kerja masa depan. Kajian menunjukkan bahawa penyeliaan pengajaran yang berkesan dalam TVET adalah kunci untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Walaubagaimanapun, terdapat pelbagai cabaran yang perlu diatasi untuk memastikan penyeliaan berjalan dengan lancar. Untuk meningkatkan kualiti penyeliaan, adalah penting untuk memberi latihan profesional berterusan kepada guru penyelia dalam aspek pedagogi, teknologi pendidikan, dan pengetahuan industri. Latihan ini membantu penyelia memberikan bimbingan yang relevan kepada guru pelatih dan meningkatkan kemahiran praktikal pelajar. Selain itu, cabaran kekangan masa boleh diatasi dengan memperkenalkan sistem pengurusan masa yang lebih fleksibel agar penyelia dapat memberi perhatian lebih kepada setiap individu.

Kolaborasi yang baik antara penyelia dan guru pelatih juga penting untuk memastikan keberkesanan penyeliaan. Penyelia harus berfungsi sebagai rakan kolaboratif, memberikan sokongan dan maklum balas dalam proses pengajaran. Selain itu, penting untuk merangsang kreativiti dalam pengajaran bagi meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (HOTS) pelajar yang diperlukan dalam dunia pekerjaan yang kompetitif. Penyelarasan kurikulum dengan keperluan industri perlu diberi perhatian serius. Kerjasama antara penyedia pendidikan TVET dan industri akan membantu memastikan kurikulum yang ditawarkan relevan dan sesuai dengan kehendak pasaran kerja. Di samping itu, penilaian berterusan terhadap guru dan pelajar, disertai dengan maklum balas konstruktif, akan meningkatkan kemahiran pengajaran dan prestasi keseluruhan. Secara keseluruhannya, transformasi TVET memerlukan kerjasama yang erat antara penyelia, guru, dan industri untuk menghasilkan graduan yang kompeten dan siap menghadapi cabaran pasaran kerja global. Penyeliaan yang berkesan, pengurusan masa yang baik, serta peningkatan kreativiti dan penyesuaian kurikulum akan memastikan pendidikan TVET dapat memenuhi keperluan masa depan.

KESIMPULAN

Transformasi TVET merupakan satu usaha penting dalam memenuhi keperluan masa depan yang semakin kompleks. Dengan menghadapi cabaran yang berbeza dalam penyampaian kurikulum dan penyeliaan, institusi pendidikan perlu mengambil langkah proaktif untuk memastikan kualiti pengajaran yang terjamin. Pengenalan terhadap teknologi pembelajaran yang terkini adalah salah satu usaha yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, memperkukuh kerjasama dengan industri melalui program latihan industri dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pengalaman praktikal yang relevan dengan dunia pekerjaan.

Selain itu, menyediakan latihan berterusan untuk guru dan pengajar TVET adalah penting kerana mereka perlu sentiasa mengemaskini pengetahuan dan kemahiran mereka agar dapat memberi pengajaran yang berkualiti kepada pelajar. Dengan usaha bersepadu dalam menggalakkan perkongsian ilmu antara pensyarah dan industri, pelaksanaan TVET dapat ditambah baik untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan modal insan yang berdaya saing di peringkat global. Ini akan membantu memastikan graduan TVET mampu bersaing dalam pasaran kerja yang semakin mencabar.

Kesimpulannya, transformasi dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah satu langkah penting untuk memastikan sistem pendidikan ini relevan dan berdaya saing dengan kehendak industri. Keberkesanan penyeliaan, yang melibatkan latihan profesional berterusan, kolaborasi yang kukuh antara penyelia dan guru, serta penyelarasan kurikulum dengan keperluan industri, akan membentuk asas yang kukuh untuk pendidikan TVET yang lebih efektif. Dengan komitmen dan usaha yang berterusan, TVET dapat menghasilkan graduan yang tidak hanya mahir dalam bidang teknikal, tetapi juga mampu beradaptasi dengan perubahan pasaran kerja global, seterusnya memberi impak positif kepada perkembangan ekonomi dan masyarakat.

RUJUKAN

- Mei, C. S., & Mydin, A. A. (2022). Pengaruh Amalan Penyeliaan Terhadap Pengajaran Kreatif Guru. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(2), 31-40.
- Melki, H., Bouzid, M. S., & Mrayeh, M. (2020). *University supervisors' expectations for cooperating teachers during a TVET practical traineeship in the field of physical education. Journal of Technical Education and Training*, 12(2), 77-86.
<https://doi.org/10.30880/jtet.2020.12.02.008>
- Muhamad Hafidz Mohd Yusof (2020). Isu dan Cabaran Kualiti Penyampaian Pengajaran Bidang Vokasional dalam Kalangan Pensyarah Kolej Vokasional: Satu Ulasan Sistematis. *Sains Humanika*, 12(2-2), 9-13.
- Rafi, S. B. M., Wahab, T. M. A. B. A., & Ahmad, M. F. B. (2023). *Leadership with Standardized Practise in TVET Institutions: A Quality System Improvement. Open Journal of Social Sciences*, 11, 145-16.
<https://doi.org/10.4236/jss.2023.115012>

- Salahuddin, N., Hussain, M. A. M., & Zulkifli, R. M. (2023). Amalan dan cabaran penyeliaan guru pelatih dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(4), 1695-1700. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v12-i4/19947>
- Williams, A. R., Prins, K., Nkambule, B. I., & Ngubane, S. A. (2024). *Understanding barriers to optimal supervision and delivery of the National Certificate (vocational) curriculum through TVET college lecturers' reflective evaluations*. *REID (Research and Evaluation in Education)*, 10(1), 80-98.
DOI:10.21831/reid.v10i1.72274